

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI DALAM AKTIVITI PERNIAGAAN WANITA  
LUAR BANDAR**

**SITI MASAYU ROSLIAH BINTI ABDUL RASHID**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2014**

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI DALAM AKTIVITI PERNIAGAAN WANITA  
LUAR BANDAR**

**Oleh**

**SITI MASAYU ROSLIAH BINTI ABDUL RASHID**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**SEPTEMBER 2014**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNYA maka dapat saya siapkan tesis ini dengan jayanya, serta berkat doa kedua ibu bapa, suami, dan anak-anak juga membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Semoga usaha dalam penghasilan tesis ini diterima sebagai ibadah dalam memperkayakan ilmu Allah dan mendapat keredhaan daripadaNYA.

Sejuta penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Fatimah Hassan selaku penyelia yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan bermakna, cadangan-cadangan yang bermanfaat dalam proses penghasilan tesis ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan sifat dedikasi yang diberikan. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah di bahagian Geografi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama dalam kajian penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menjadi penyumbang utama pembiayaan pengajian saya di bawah Program Mybrain (MyPhD). Melalui pembiayaan ini dapat menampung keperluan pengajian saya sekaligus meringankan beban dari sudut kewangan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang memberikan pembiayaan di bawah Skim Fellowship pada tahun pertama pengajian saya.

Akhir sekali ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua yang memberi sokongan dan dorongan secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada ke dua ibu bapa iaitu Haji Abdul Rashid bin Haji Mohammad dan Hajjah Siti Mariam bt Haji Man, suami; Ahmad Fikri bin Ahmad, anak-anak; Ahmad Hadif dan Hanan Sufi serta seisi keluarga yang telah banyak berkorban, juga kepada teman-teman seperjuangan yang turut menyumbangkan buah fikiran serta dorongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih di atas segalanya.

**Siti Masayu Rosliah Binti Abdul Rashid**

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 – PENGENALAN KEPADA KAJIAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Isu dan permasalahan kajian	6
1.3 Persoalan kajian	14
1.4 Matlamat kajian	15
1.5 Objektif kajian	15
1.6 Andaian kajian	16
1.7 Skop dan batasan kajian	16
1.8 Kepentingan kajian	18
1.9 Organisasi kajian	19
1.10 Kesimpulan	20
BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	23
2.2 Definisi dan konsep TMK	23
2.3 Konsep Jurang Digital	25
2.3.1 Jurang Digital Gender	27
2.4 Definisi dan Konsep Luar Bandar	29

2.5	Konsep Kemiskinan	32
2.6	Perkembangan TMK di Luar Bandar	34
2.6.1	Perkembangan TMK di Luar Bandar-Peringkat Dunia	35
2.6.2	Perkembangan TMK di Luar Bandar-Peringkat Asia	38
2.6.3	Perkembangan TMK Luar Bandar di Malaysia	41
2.7	Produk-produk TMK di Luar Bandar Malaysia	48
2.8	Perkembangan Wanita dan TMK di Luar Bandar	58
2.8.1	Perkembangan Wanita dan TMK di Luar Bandar-Peringkat Dunia	59
2.8.2	Perkembangan Wanita dan TMK di Luar Bandar-Peringkat Asia	68
2.8.3	Perkembangan Wanita dan TMK di Luar Bandar Malaysia	70
2.9	Peranan TMK dalam Masyarakat	75
2.10	Peranan TMK kepada Wanita	76
2.11	Kesan Positif dan Negatif Penggunaan TMK dan Masyarakat Luar Bandar	77
2.11.1	Kesan Positif	78
2.11.2	Kesan Negatif	79
2.12	Konsep Pembangunan TMK dan Masyarakat Luar Bandar	80
2.12.1	Aspek Penerimaan	80
2.12.2	Aspek Pembangunan	82
2.13	Kerangka Teoritikal	84
2.14	Konsep dan Definisi Indikator	87
2.15	Petunjuk Penggunaan TMK	87
2.16	Kesimpulan	91

### BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	93
3.2	Rangka kerja penyelidikan	94
3.3	Tatacara Persampelan: Kawasan, Populasi dan Sampel kajian	96
3.3.1	Kawasan Kajian	96
3.3.2	Rasional Pemilihan Responden Wanita	98
3.3.3	Pemilihan Populasi	100
3.3.4	Persampelan <i>Purposive</i> (Bertujuan)	101
3.3.5	Persampelan <i>Snowball</i>	101

3.3.6	Sampel kajian	102
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	104
3.4.1	Data Primer	104
3.4.2	Kebolehpercayaan	106
3.5	Kaedah Analisis Data	109
3.5.1	Analisis Deskriptif (frekuensi, min, sisihan piawai, jadual <i>Crosstabs</i> ).	110
3.5.2	Korelasi Pearson	110
3.5.3	Ujian T	111
3.6	Operasionalisasi Pembolehubah	111
3.7	Kerangka Matrik Penyelidikan	114
3.8	Isu-isu Etika dalam Penyelidikan	116
3.9	Kesimpulan	117

#### BAB 4 – ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	118
4.2	Profil Sosio Ekonomi	119
4.3	Sikap dan pengetahuan responden terhadap TMK	124
4.4	Petunjuk penggunaan TMK	129
4.4.1	Andaian kajian berhubung <i>wujudnya hubung kait langsung di antara penggunaan TMK dengan aktiviti perniagaan dalam kalangan wanita di luar bandar</i>	135
4.5	Menganalisis kaedah penggunaan Internet dan teknologi mobil (telefon bimbit) dalam kegiatan ekonomi dan amalan harian wanita di luar bandar	136
4.5.1	Tahap kemahiran penggunaan internet dalam aktiviti perniagaan	149
4.5.2	Andaian kajian berhubung <i>pengaplikasian penggunaan TMK secara maksimum mempunyai pertalian yang erat dengan faktor-faktor yang dihadapi oleh penggunanya.</i>	155
4.6	Aktiviti Ekonomi	155
4.7	Hubungan pendapatan dengan aktiviti perniagaan	159
4.7.1	Perubahan pendapatan “ <i>sebelum</i> ” dan “ <i>selepas</i> ” aktiviti perniagaan	165

Sambungan		
4.7.2	Andaian kajian berhubung <i>wujudnya hubung kait yang erat antara peningkatan tahap pendapatan dengan kaedah penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar</i>	172
4.8	Kesimpulan	172
BAB 5 – KESIMPULAN, IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	176
5.2	Penemuan Utama Kajian	176
5.3	Analisis Dasar-dasar TMK	179
5.4	Implikasi Dasar dan Cadangan	183
5.5	Kesimpulan	190
BAB 6 – PENUTUP		
6.1	Rumusan dan penutup	192
6.2	Kesimpulan	196
BIBLIOGRAFI		198
LAMPIRAN 1 Contoh Soal Selidik		219
LAMPIRAN 2 Senarai Penerbitan		229
LAMPIRAN 3 Jadual Output SPSS		230



## SENARAI JADUAL

2.1	Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah di Malaysia bagi tahun 2009 dan 2012.	33
2.2	Program Pembangunan TMK di bawah agensi kerajaan pusat	48
2.3	Program Pembangunan TMK kendalian oleh pihak korporat dan NGO	50
2.4	Program Pembangunan TMK kendalian oleh pihak kerajaan	51
2.5	Jumlah Capaian Komuniti di Malaysia sehingga 2013	57
2.6	Peranan TMK dalam masyarakat	75
2.7	Petunjuk penggunaan TMK dalam kalangan wanita	88
2.8	Petunjuk penggunaan Internet bagi Isi rumah di Malaysia,2005	89
2.9	Petunjuk penggunaan TMK bagi setiap Isi rumah di negara yang terlibat	89
2.10	Petunjuk penggunaan TMK dalam kalangan responden kajian	90
3.1	Senarai PID terpilih di Malaysia	97
3.2	Senarai MID terpilih di Malaysia	97
3.3	Kaedah Penggunaan TMK dalam aktiviti perniagaan	99
3.4	Pengumpulan maklum balas jadual soal selidik	103
3.5	Skala Likert untuk amalan penggunaan internet	105
3.6	Skala Likert untuk persepsi	106
3.7	Ujian Kebolehpercayaan (Nilai Cronbach)	108
4.1	Profil sosio ekonomi responden kajian	119
4.2	Pendapatan semasa responden	122

## Sambungan

4.3	Persepsi responden terhadap penggunaan TMK	124
4.4	Status pemilikan komputer	125
4.5	Jadual bersilang jumlah pendapatan dan pemilikan komputer	126
4.6	Petunjuk penggunaan TMK	129
4.7	Status penggunaan komputer dan Internet dalam kalangan responden	137
4.8	Tahap kemahiran asas dalam melayari Internet responden kajian	138
4.9	Kumpulan umur dan kaedah pengguna berhubung dengan pelanggan	140
4.10	Status pemilikan telefon bimbit	143
4.11	Jenis telefon bimbit	143
4.12	Kaedah penggunaan telefon mengikut pilihan responden	145
4.13	Tahap kemahiran Internet dalam aktiviti perniagaan	150
4.14	Korelasi antara tempoh dan kemahiran penggunaan komputer	154
4.15	Aktiviti perniagaan	156
4.16	Tempoh perniagaan atas talian	157
4.17	Bantuan individu yang banyak memberi bantuan dalam menjalankan perniagaan atas talian.	157
4.18	Faktor-faktor yang mendorong perniagaan atas talian	158
4.19	Korelasi dorongan dan bantuan rakan	159
4.20	Perkembangan perniagaan melalui penggunaan TMK	160

## Sambungan

4.21	Perolehan pendapatan bulanan berdasarkan aktiviti perniagaan	161
4.22	Jenis perniagaan dan jumlah pendapatan bulanan melalui perniagaan	162
4.23	Korelasi antara tempoh dan keuntungan dalam perniagaan	164
4.24	Perbezaan pendapatan “sebelum” dan “selepas” melakukan perniagaan	166
4.25	Ujian T antara pembolehubah pendapatan sebelum dan selepas perniagaan	167
4.26	Peningkatan tahap pendapatan melalui Purata Garis Kemiskinan	168

## **SENARAI RAJAH**

2.1	Bilangan Pusat Internet Desa mengikut Negeri di Malaysia pada tahun 2010	53
2.2	Jumlah penggunaan komputer dan internet mengikut jantina di Turki pada tahun 2004	66
2.3	Model Penerimaan Teknologi	81
2.4	Model TMK untuk pembangunan	83
2.5	Rangka Teori penggunaan TMK dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar	85
3.1	Rangka kerja penyelidikan	95
3.2	Peta lokasi negeri-negeri yang mempunyai PID dan MID di Malaysia	96
3.3	Kerangka Matrik Penyelidikan	115
4.1	Status pemilikan perkakasan komputer dalam kalangan responden	127
4.2	Kaedah responden untuk mengambil tempahan dengan pelanggan	142
4.3	Alasan penggunaan telefon bimbit dan pesanan ringkas	148

## **SENARAI FOTO**

3.1	Pusat Internet Desa Balik Pulau, Pulau Pinang	108
-----	---	-----

## SENARAI SINGKATAN

TMK	- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ICT	- Information Communication and Technology
MID	- Medan Info Desa
PID	- Pusat Internet Desa
NITC	- National Information Technology Council
DAGS	- Demonstrator Application Grant Scheme
NBI	- Projek Inisiatif Jalur Lebar Negara
MCMC	- Malaysian Communication and Multimedia Commission
SKMM	- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
PGK	- Purata Garis Kemiskinan
TAM	- Technology Acceptance Model
UNDP	- United Nation Development Programme
SME	- Small Medium Enterprise
IKS	- Industri Kecil dan Sederhana
SARI	- Sustainable Access in Rural Area
HSBB	- High Speed Broadband
MEB	- Model Ekonomi Baru
IP	- Internet Protocol
NGO	- Non Governmental Organization
KTAK	- Kementerian Teknologi Air dan Komunikasi
KKLW	- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
PJK	- Pusat Jalur Lebar Komuniti
PJL	- Perpustakaan Jalur Lebar

PPKR	- Program Pembangunan Komunikasi Rakyat
SMS	- Short Message System
KUSPID	- Kelab Usahawan Pusat Internet Desa
SPSS	- Statistical Package for Social Science
RMK10	- Rancangan Malaysia Kesepuluh
MEBLB	- Model Ekonomi Baru Luar Bandar
PSH	- Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

# **PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM AKTIVITI PERNIAGAAN WANITA LUAR BANDAR**

## **ABSTRAK**

Masyarakat luar bandar seringkali dikaitkan dengan keadaan hidup serba kekurangan. Walaupun terdapat pelbagai pembangunan dilaksanakan di luar bandar, namun masalah yang dihadapi tidak pernah dapat diselesaikan. Pada masa kini, pendedahan tentang perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan masyarakat luar bandar mampu membuka peluang untuk dimanfaatkan sepenuhnya. Ini kerana TMK mampu membawa impak ekonomi yang besar kepada golongan wanita luar bandar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti petunjuk penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar. Selain itu, kajian turut mengenal pasti kaedah penggunaan TMK dalam aktiviti perniagaan yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan pendapatan bulanan. Kajian ini melibatkan 202 responden wanita luar bandar yang menjalankan perniagaan atas talian di bawah pengendalian Pusat Internet Desa (PID) dan Medan Info Desa (MID) di seluruh Malaysia. Pemilihan sampel adalah berdasarkan Persampelan Bertujuan dan kaedah *Snowball*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 92 peratus daripada keseluruhan responden mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan TMK. Kajian mendapati walaupun responden menyedari tentang kepentingan TMK dalam aktiviti perniagaan namun kaedah yang berkesan tidak dipraktikkan sepenuhnya. Hasilnya, aktiviti perniagaan dapat meningkatkan pendapatan bulanan sebanyak 17.2 peratus sahaja.

Dengan peningkatan ini ternyata TMK berupaya meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar jika menggunakan kaedah yang strategik dan bersesuaian. Antara strategi yang bersesuaian ialah membangunkan perisian khusus untuk wanita, menggalakkan penglibatan wanita dalam IKS, melibatkan peranan wanita dalam polisi / dasar TMK serta beberapa strategi lagi yang disenaraikan. Oleh itu pihak kerajaan atau agensi berkaitan perlu bekerjasama bagi memastikan langkah-langkah yang berkesan diterapkan dalam kalangan wanita luar bandar. Langkah ini bertujuan untuk memberi kesan positif selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar khususnya golongan wanita.



**THE USE OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGIES  
IN BUSINESS ACTIVITIES AMONG WOMEN IN RURAL AREAS**

**ABSTRACT**

Rural communities are always associated with deprivation in life. Although various developments are carried out in the rural areas, the problems faced are never able to be solved. Nowadays, exposure towards the development of information and communication technologies (ICT) among the rural communities could lead to opportunities that could be fully-benefited. This is because ICT can bring a big economic impact towards women in the rural areas. Besides that, studies have also identified the usage of ICT in business activities that have a close connection with monthly incomes. This study involves 202 respondents of rural areas women that run online businesses under the *Pusat Internet Desa* (PID) and *Medan Info Desa* (MID) all over Malaysia. The samples selection was based on Purposive Sampling and Snowball method. The findings show that 92 percent from the overall respondents fully apply the usage of ICT. The study found that eventhough the respondents realise the importance of ICT in business activities, effective methods are still not fully practised. As a result, business activities can only increase the monthly income by 17.2 percent. With this increase, it is obvious that ICT has the ability to increase the rural communities' incomes if strategic and suitable methods are used. Among the suitable strategies are to develop a specific software for women, encourage women's involvement in Small and Medium Enterprise (SME), involve women's

roles in ICT policies/principles as well as few other strategies listed. Therefore, the government or related agencies need to work together to ensure that effective steps are applied among the women in the rural areas. These steps are meant to give positive effects in line with the government's objective to increase the standard of living of the rural communities especially the women.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar belakang kajian**

Masyarakat luar bandar lazimnya dilabelkan sebagai masyarakat yang hidup miskin. Walaupun kemiskinan turut berlaku di kawasan bandar, namun lokasi di kawasan luar bandar lebih kerap dijadikan topik dalam mana-mana perbincangan. Beberapa kajian yang telah dijalankan setakat ini mendapati, kalangan masyarakat luar bandar adalah terdiri daripada mereka yang hidup dalam keadaan kemiskinan dan serba kekurangan (Ellis dan Mdoe, 2003; Mukherjee dan Benson, 2003; Chamhuri Siwar dan Mohd Haflah Piei, 1988; Ungku Abdul Aziz, 1964) disebabkan mereka memiliki tahap pendidikan yang rendah, ketiadaan kemahiran dalam pekerjaan, serta dipengaruhi oleh faktor keturunan (Agesa, 2004; dan Yuji Tamura, 2003). Di samping itu masyarakat luar bandar turut dikaitkan dengan sikap negatif seperti kurang motivasi, malas serta lembab dalam berhadapan dengan sesuatu masalah. Ini menyumbang kepada penghalang kemajuan dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut. Faktor sebeginilah yang menyebabkan masyarakat luar bandar sering menghadapi pelbagai masalah dalam pelbagai perkara sehingga menyebabkan mereka sentiasa berterusan berada dalam keadaan kekurangan. Oleh itu, dalam menangani masalah ini pelbagai alternatif perlu dilaksanakan untuk membantu masyarakat luar bandar memperbaiki taraf hidup mereka.

Dalam membincangkan isu mengenai kemiskinan di luar bandar, ianya sentiasa menjadi agenda dalam pembangunan negara. Namun beberapa kajian menunjukkan bahawa isu ini ternyata lebih ketara dikaitkan dengan kaum wanita berbanding kaum lelaki. Fatimah Hassan (2011) menjelaskan bahawa masalah kemiskinan dalam kalangan wanita masih menjadi topik utama dalam isu pembangunan di luar bandar memandangkan jumlah keseluruhan kaum wanita di luar bandar kini telah menghampiri ke angka 50 peratus daripada keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Jumlah penduduk wanita yang hampir separuh mewakili keseluruhan penduduk menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka turut tergolong sebagai penyumbang utama kepada penjana pendapatan keluarga. Sekiranya mereka mempunyai masalah kemiskinan, sudah tentu keadaan ini mempengaruhi faktor kemiskinan di luar bandar.

Menurut Nor Aini (2008), kemiskinan dalam kalangan wanita luar bandar berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti tidak mempunyai pekerjaan, perolehan pendapatan rendah terutama di sektor tidak formal, bilangan tanggungan yang ramai, tidak melakukan kerja-kerja sampingan, tingkat kemahiran dan pendidikan yang rendah dan faktor umur yang tua (Nor Aini, 2008). Di samping itu, wanita luar bandar turut dikaitkan dengan insiden kemiskinan kerana golongan mereka dikatakan mempunyai sumber kewangan yang terhad dan ini menyebabkan ramai dari wanita ketua isi rumah di Malaysia tergolong dalam golongan berpendapatan rendah dan miskin (Rohayu Roddin et al., 2010).

Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu masyarakat di luar bandar dalam mengurangkan masalah kemiskinan. Inisiatif kerajaan melalui memperkenalkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information and Communication Technology* (ICT) merupakan platform terbaik untuk kaum wanita dalam merebut peluang perniagaan dengan menggunakan teknologi untuk memasarkan produk mereka. Melalui perkembangan TMK juga, wanita seharusnya bijak mencari peluang bagi memanfaatkan sains dan teknologi supaya mereka lebih berdaya saing dan tidak terpinggir dalam arus perdana pembangunan. Pada masa sama juga, TMK digunakan sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan wanita sekaligus menggalakkan inovasi dalam kalangan wanita di luar bandar.

Dalam arus kemodenan dunia pada masa kini, TMK telah dianggap sebagai elemen penting bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial sesebuah negara. Menyedari hal ini, banyak negara dunia telah melihat peluang yang besar dalam melaksanakan inisiatif yang berteraskan TMK untuk pembangunan masyarakat di negara masing-masing (Edgar, 2009). Malaysia misalnya, telah menunjukkan kesungguhan dalam usaha merapatkan jurang digital dalam kalangan penduduk luar bandar bagi memenuhi keperluan agenda negara iaitu memperkasa keupayaan rakyat untuk menyertai perkembangan ekonomi digital. Bermula dengan pengenalan dan perlaksanaan polisi TMK negara iaitu Dasar Telekomunikasi Negara pada tahun 1994, diikuti pengukuhan infrastruktur dan kini, terdapat peningkatan

keupayaan TMK dalam kalangan komuniti sasaran, kesemuanya adalah bergerak untuk satu tujuan iaitu membantu mencapai matlamat dalam Wawasan 2020 ke arah mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan bermaklumat melalui penggunaan rangkaian telekomunikasi yang moden dan canggih.

Salah satu pendekatan yang telah mempercepatkan proses ini ialah dengan adanya pusat TMK di kawasan luar bandar. Pusat TMK luar bandar dikenali dengan pelbagai nama antaranya Pusat Internet Desa (PID), Medan Info Desa (MID), Kedai.com, Bestari.com, dan juga Pusat E-Komuniti. Di samping itu juga, terdapat beberapa projek atau program yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam menentukan hala tuju Malaysia sebagai negara yang berpengetahuan. Antaranya adalah dengan mengadakan beberapa aktiviti di dalam suatu projek TMK. Projek TMK di luar bandar telah diperkenalkan oleh agensi-agensi tertentu seperti MID di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Komuniti IT Selangor (KITS) di bawah kerajaan Selangor, E-Masjid Melaka, projek IT KETENGAH dan sebagainya. Malah pihak National Information Technology Council (NITC) telah melancarkan geran *Demonstrator Application Grant Scheme* (DAGS) pada tahun 1998 untuk membolehkan pihak yang berminat melaksanakan projek TMK di bawah kategori *Social-Digital Inclusion Initiatives* (National Information Technology Council, 2001).

Malaysia juga turut memperkenalkan pelbagai program untuk menyediakan kemudahan Internet di luar bandar. Menurut Zulkhairi et al.(2008) kajian pada masa sekarang menunjukkan, kadar celik IT dan kadar penetrasi agak rendah di negara-negara kurang membangun. Walau bagaimanapun, kadar penembusan jalur lebar 2013 menunjukkan Malaysia menduduki tangga kedua dalam kalangan 26 negara Asean (Norfatimah Ahmad, 2013). Ini menunjukkan Malaysia mampu membangunkan infrastruktur dan kebolehcapaian teknologi maklumat merentasi pelbagai sektor. Walau bagaimanapun, kadar penembusan jalur lebar di kawasan luar bandar masih lagi berada pada tahap yang rendah iaitu kurang daripada satu peratus. Keadaan ini menyebabkan kerajaan berusaha untuk meningkatkan strategi pembangunan TMK di luar bandar melalui Projek Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) dengan memperuntukkan sebanyak RM12 billion sebagai usaha untuk meningkatkan strategi penggunaan TMK dalam kalangan masyarakat di luar bandar (Zulkhairi et al.,2010). Melalui Program NBI, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia mensasarkan peningkatan dalam kadar celik TMK selain mempertingkatkan usaha memperluaskan kemudahan jalur lebar di kawasan bandar-bandar kecil dan daerah perkampungan menjelang hujung tahun ini. Bagi memastikan pelaksanaan ini berjalan lancar, kerajaan melalui pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, telah menambah kemudahan akses Internet untuk masyarakat di luar bandar dengan meningkatkan kelajuan capaian Internet iaitu antara 4 hingga 10 megabits. Di samping itu juga, bagi meluaskan liputan akses Internet di kawasan luar bandar, kerajaan akan membina 1000 menara pemancar telekomunikasi di kawasan

yang terlibat khususnya di luar bandar (Utusan Malaysia, 2013). Keadaan ini menunjukkan bahawa kerajaan bertungkus lumus mempelbagaikan inisiatif untuk perkembangan TMK di luar bandar.

Melihat kepada kesungguhan kerajaan dalam mempelbagaikan alternatif untuk kemajuan masyarakat di luar bandar, terbukti bahawa kerajaan telah bersungguh-sungguh dalam mempelbagaikan strategi untuk melaksanakan TMK sepenuhnya. Berdasarkan projek atau program yang dilaksanakan, kerajaan sangat berharap agar cara ini dapat membantu masyarakat di kawasan luar bandar khususnya dalam memperkasakan perkembangan ekonomi mereka supaya sentiasa berada pada tahap yang lebih maju. Namun demikian, walaupun terdapat pelbagai pembangunan TMK dilaksanakan di luar bandar, kemajuan dalam bidang ini masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji bagaimana kemajuan TMK, mampu mengubah taraf hidup masyarakat di luar bandar terutama sekali untuk kaum wanita di luar bandar.

## **1.2 Isu dan permasalahan kajian**

Dalam membincangkan sesuatu isu yang berkaitan dengan kawasan luar bandar, istilah luar bandar sering dikaitkan dengan kawasan yang kecil, yang mempunyai bilangan penduduk yang sedikit, mempunyai masalah ekonomi, kawasan yang serba kekurangan serta kawasan yang tidak boleh memberi keuntungan kepada sesebuah organisasi (Hasan et al., 2007; Venkatachalam dan McDowell, 2002).



Terdapat beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dari segi penggunaan TMK. Hasil pembacaan menunjukkan wujud enam faktor utama iaitu; organisasi, teknikal, kewangan, sosial, peraturan dan manusia. (Hosseini et al.(2009), (Jensen dan Esterhuysen, 2001; dan Conradie et al., 2003), (Resta dan Laferriere, 2008; Gulati, 2008; dan Heeks, 2008). Bagi faktor organisasi, pemboleh ubah yang dikenal pasti ialah kekurangan minat dan kurang kepakaran dalam menggunakan TMK, kebimbangan mengenai risiko menggunakan TMK, kualiti perkhidmatan yang rendah yang disediakan oleh pusat perkhidmatan, kekurangan minat oleh sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam membangunkan TMK di kawasan luar bandar, dan bilangan telecenter atau pusat perkhidmatan teknologi yang sedikit (Hosseini et al., 2009).

Berdasarkan faktor teknikal pula, kesan yang berlaku ke atas penggunaan TMK misalnya adalah, penggunaan jalur lebar yang rendah, kekurangan perkakasan, kekurangan infrastruktur yang sesuai, kekurangan perisian, sistem telekomunikasi yang lemah, dan kekurangan kepakaran dalam bidang TMK. Di samping itu, dari sudut cabaran kewangan pula, terdapat masalah misalnya membabitkan kos yang tinggi untuk membeli perkakasan dan perisian, kos yang tinggi untuk akses Internet, kos untuk mengekalkan sistem, kos untuk perbelanjaan menaik taraf sistem, dan kekurangan pelabur untuk melabur misalnya daripada pihak awam dan swasta untuk memulakan pelaburan di kawasan luar bandar.

Dari sudut faktor sosial pula, aspek *technofobia* atau takut kepada teknologi memberi kesan yang negatif kepada seseorang individu untuk menggunakan TMK. Keadaan ini menyebabkan individu tidak begitu memahami tentang manfaat dan kebaikan TMK kepada mereka. Selain itu, faktor ini turut mempengaruhi aspek pengawalseliaan di mana kurangnya sokongan daripada pihak yang terlibat, peralatan yang tidak mencukupi dan juga terdiri daripada set/unit lama, kurangnya tempat-tempat strategik untuk membangunkan kegiatan TMK di luar bandar.

Akhir sekali adalah berkaitan dengan faktor individu itu sendiri di mana mereka mempunyai tahap kemahiran dan tahap pengetahuan yang rendah terhadap TMK, kurang kepakaran dalam mengendalikan peralatan TMK, dan juga mempunyai pemikiran yang jumud terhadap kelebihan TMK. Kesemua faktor di atas jelas menunjukkan bahawa cabaran dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar mempengaruhi penggunaan TMK dalam kalangan mereka.

Secara ringkasnya, daripada keseluruhan bacaan dalam kajian-kajian terdahulu pengkaji dapat menyenaraikan beberapa masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dalam memperkasakan TMK (Jensen dan Esterhuysen, 2001; dan Conradie et al., 2003). Menurut pendapat mereka, antara masalah yang sering dihadapi dan perlu diberi perhatian adalah berkaitan seperti 6 faktor disebutkan di atas, misalnya seperti berikut:

- 1) Faktor manusia - Kurangnya pengetahuan asas serta kurangnya kemahiran dalam memanfaatkan penggunaan TMK.
- 2) Faktor Kewangan - Ketidakmampuan untuk membayar kos rangkaian dan peralatan TMK.
- 3) Faktor teknikal - Sesebuah tempat yang mempunyai tahap akses Internet yang kurang maju dianggap sebagai kawasan yang tidak boleh membangun dan tidak akan menguntungkan dari sudut pelaburan ekonomi. Oleh itu anggapan ini telah menyebabkan pembangunan perniagaan di luar bandar Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.
- 4) Faktor peraturan - Untuk menjadikan perkembangan TMK lebih berkesan, masyarakat luar bandar perlu mengenal pasti bagaimana mereka boleh menggunakan TMK untuk menjana pasaran dan perkhidmatan yang baik melalui penggunaan TMK
- 5) Faktor organisasi - Kurangnya kesedaran dan pemahaman daripada organisasi yang terlibat tentang keberkesanan TMK untuk meningkatkan taraf hidup serta taraf ekonomi sesebuah masyarakat.
- 6) Faktor sosial - Kurangnya latihan asas dan profesional dalam membangunkan kemahiran TMK kepada pendidikan profesional dan penasihat komuniti.

Melalui masalah-masalah di atas terbukti bahawa, kawasan luar bandar agak terpinggir dari sudut pembangunan TMK. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa, semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan perkembangan dan kemajuan TMK di luar bandar berlaku seiring dengan perkembangan di bandar. Ini kerana, perkembangan TMK sering dikaitkan dengan ketaksamaan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar. Parker (2000) berpendapat bahawa jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar menjadi semakin meluas. Hampir semua masyarakat luar bandar di dunia mempunyai masalah dalam mendapatkan kemudahan komunikasi dan tidak mampu untuk memperoleh sebarang manfaat daripada kebaikan Internet yang kebiasaanya senang didapati di kawasan bandar (Hasan et al., 2007).

Selain itu, jurang digital juga wujud dalam konteks gender. Para pengkaji mentakrifkan jurang digital gender sebagai jurang yang wujud apabila terdapat perbezaan seperti kadar penembusan, cara penggunaan, tahap kemahiran, dan juga penguasaan sesuatu penggunaan TMK dalam kalangan lelaki dan wanita (Lohan dan Faulkner, 2004; Broadman dan Berazneva, 2008). Selain itu, Hargittai dan Shafer (2006) menjelaskan jurang digital gender berlaku disebabkan faktor-faktor kelemahan wanita yang kurang keyakinan diri serta kurang kemahiran dalam mengendalikan Internet. Golongan wanita lebih cenderung untuk menggunakan TMK misalnya untuk menghantar pesanan ringkas dan berbual di laman sembang, manakala kaum lelaki lebih memanfaatkan penggunaan Internet untuk memuat turun

permainan atau muzik, menjalankan perniagaan atas talian, serta mencipta laman web (Wasserman dan Richmond, 2005; dan Roberts dan Foehr, 2004).

Di samping itu juga, keadaan di luar bandar turut dipengaruhi oleh kepadatan penduduk yang rendah. Hal ini telah menyebabkan aktiviti ekonomi di luar bandar agak terhad. Misalnya melalui aktiviti perniagaan yang diasaskan di pekan kecil atau di luar bandar, halangan yang dihadapi oleh pengusaha adalah memperoleh permintaan yang rendah dalam aktiviti perniagaan. Keadaan ini disebabkan oleh kekangan daripada pihak pengusaha dari sudut menyediakan kemudahan dan peralatan TMK yang mana memerlukan kos pelaburan yang sangat tinggi di kawasan luar bandar (Hollifield dan Donnermeyer, 2003). Selain itu, hal ini dirumitkan lagi oleh pihak telekomunikasi yang tidak mahu mengambil risiko untuk melabur melalui rangkaian jalur lebar di kawasan luar bandar hanya disebabkan kepadatan penduduk luar bandar yang agak rendah. Masalah ini turut dipengaruhi oleh aspek teknikal dan pemasaran rangkaian jalur lebar yang kurang memberangsangkan di kawasan luar bandar. Venkatachalam dan McDowell (2002), berpendapat kawasan luar bandar agak terbatasi dari pengaruh telekomunikasi. Biasanya kawasan yang terpencil tiada akses untuk rangkaian Internet, televisyen, radio, dan telefon, untuk kemudahan masyarakat di luar bandar (Venkatachalam dan McDowell, 2002).

Selain itu juga, di Malaysia misalnya kerajaan telah memperkenalkan aplikasi TMK dalam membantu memantapkan ekonomi masyarakat di luar bandar.

Walaupun bagaimanapun, masalah yang kerap dihadapi di negara kita ialah berkaitan dengan tahap infrastruktur yang terhad. Keadaan faktor lokasi sesebuah kawasan turut mempengaruhi tahap aksesibiliti di sesebuah kawasan tersebut. Kajian daripada *Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC)* (2013) mendapati, sehingga ke tahun 2011, jumlah pengguna Internet mengikut kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia menunjukkan wujudnya jurang digital yang luas. Pada tahun 2011, jumlah pengguna Internet di bandar ialah 82.2 peratus manakala di kawasan luar bandar jumlah penggunaan Internet hanya 17.8 peratus sahaja (MCMC, 2012). Walaupun jumlah peratusan ini telah berubah dari statistik tahun 2009 iaitu 89.7 peratus di kawasan bandar, dan 10.3 peratus di bandar, keadaan ini masih menunjukkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan infrastruktur di sesebuah kawasan. Dalam hubungan ini dapat diperhatikan bahawa jarak atau lokasi sesuatu tempat mampu menyumbang kepada berlakunya ketaksamaan agihan sumber yang mana kawasan bandar mendapat peruntukan pembangunan yang lebih besar berbanding dengan penduduk luar bandar yang tinggal jauh di pedalaman (Yuji Tamura, 2003). Di samping itu juga, kadar penembusan jalur lebar mengikut negeri di Malaysia berbeza antara sesebuah negeri dengan negeri yang lain. Negeri yang mendominasi penembusan jalur lebar tertinggi pada tahun 2011 adalah terdiri daripada negeri maju di mana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 107.4 peratus, manakala jumlah peratusan terendah ialah 32.7 peratus iaitu bagi negeri Sabah (MCMC, 2012).

Keadaan seperti di atas turut berlaku di negara lain. Di Thailand misalnya, majoriti daripada masyarakat mereka, tinggal di kawasan luar bandar. Namun, pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai aspek khususnya infrastruktur TMK tidak begitu dibangunkan di kawasan luar bandar. Ini disebabkan kebanyakan bentuk perniagaan dan perkembangan teknologi lebih tertumpu dan terletak di lokasi kawasan bandar, khususnya di Bangkok (Kamoche, 2000). Hal ini turut berlaku di Vietnam. Menurut Tengku Azmi Tengku Majid (2007), kajian yang dijalankan di Vietnam mendapati 75 peratus daripada penduduk negara tersebut tinggal di kawasan luar bandar. Memandangkan majoriti lebih tertumpu di luar bandar, pihak kerajaan hanya memberi penekanan terhadap pembangunan luar bandar yang berteraskan pertanian sahaja. Ini menyebabkan penduduk luar bandar Vietnam kurang terdedah kepada pembangunan TMK dan teknologi. Begitu juga kes di Turkey. Hassan et al. (2007) melaporkan bahawa masyarakat luar bandar yang kurang berpendidikan, berpendapatan rendah, masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai kesedaran ke arah teknologi maklumat, infrastruktur telekomunikasi yang tidak mencukupi dan juga wujudnya kelemahan dalam sesebuah organisasi yang menjayakan program pelaksanaan TMK di kawasan tersebut (Hasan et al., 2007).

Berdasarkan kepada isu-isu kajian di atas, jelas dilihat bahawa masyarakat di kawasan luar bandar kurang mendapat tumpuan dalam perkembangan kemajuan khususnya dalam bidang TMK. Walaupun di awal perbincangan, dapat dilihat bahawa kebanyakan negara dunia menyedari tentang kepentingan TMK terhadap

kemajuan masyarakat, namun yang pasti masih terdapat masalah yang dihadapi oleh mereka yang tinggal di luar bandar. Oleh itu, penelitian terhadap kemajuan perkembangan TMK di luar bandar haruslah dititik beratkan memandangkan perkembangan dan kemajuan TMK boleh membantu mengubah taraf hidup masyarakat di luar bandar.

Melalui keseluruhan perbincangan di atas, ternyata isu dan permasalahan kajian yang dibincangkan adalah kritikal untuk pembangunan masyarakat luar bandar terutamanya kaum wanita. Hal ini adalah kerana kaum wanita yang lebih merasai kesan kemiskinan terhadap keluarga berbanding kaum lelaki. Justeru itu adalah wajar lebih banyak kajian dilakukan terhadap isu TMK ini dan kesannya kepada kaum wanita. Justeru kajian penyelidikan ini akan memfokuskan kepada penglibatan peserta wanita yang menjalankan perniagaan serta menggunakan peralatan TMK sama ada melalui kemudahan Internet atau teknologi mobil (telefon bimbit). Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan wanita secara khusus dan masyarakat luar bandar secara umumnya.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan isu dan permasalahan kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk seperti berikut:

1. Apakah petunjuk yang diguna pakai untuk menentukan tahap penggunaan TMK dalam kalangan wanita di luar bandar?



2. Apakah kaedah penggunaan TMK yang dipraktikkan oleh wanita luar bandar dalam kegiatan ekonomi?
3. Sejauh manakah keberkesanan kaedah penggunaan TMK yang diguna pakai oleh wanita luar bandar mampu mempengaruhi pendapatan?
4. Apakah panduan penggunaan TMK yang sesuai bagi wanita luar bandar dalam aktiviti perniagaan?

#### **1.4 Matlamat kajian**

Matlamat penyelidikan ini ialah untuk mengkaji tentang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam aktiviti perniagaan wanita luar bandar di Malaysia.

#### **1.5 Objektif kajian**

Bagi mencapai matlamat penyelidikan, disenaraikan beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti petunjuk terhadap penggunaan TMK dalam kalangan wanita di luar bandar.
2. Menganalisis kaedah penggunaan Internet dan teknologi mobil (telefon bimbit) dalam kegiatan ekonomi dan amalan harian wanita di luar bandar.
3. Menilai keberkesanan kaedah penggunaan TMK terhadap peningkatan pendapatan wanita luar bandar.

4. Menganalisis dasar-dasar TMK dalam mewujudkan panduan dan pendekatan yang bersesuaian dalam kalangan pengguna.

## **1.6 Andaian kajian**

Bagi mencapai matlamat dan objektif kajian, disenaraikan beberapa andaian penyelidikan bagi membuktikan kebenarannya. Andaian kajian disenaraikan seperti berikut:

1. Wujudnya hubung kait secara langsung di antara penggunaan TMK dengan aktiviti perniagaan dalam kalangan wanita di luar bandar.
2. Pengaplikasian penggunaan TMK secara maksimum mempunyai pertalian yang erat dengan faktor-faktor yang dihadapi oleh penggunanya.
3. Wujudnya hubung kait yang erat antara peningkatan tahap pendapatan dengan kaedah penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar.

## **1.7 Skop dan Batasan kajian**

Skop kajian ini memfokuskan kepada penglibatan responden wanita yang menjalankan perniagaan atas talian yang berdaftar dengan pusat produk TMK iaitu Pusat Internet Desa (PID) dan Medan Info Desa (MID) dari seluruh Malaysia. Melalui kajian ini, pengkaji memilih responden wanita yang menjalankan perniagaan atas talian dengan mengaplikasikan sama ada Internet atau telefon bimbit. Pemilihan

ke atas sampel ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan TMK dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh wanita di luar bandar. Seramai 202 responden wanita dari 34 buah PID dan 26 buah MID yang terlibat dalam kajian ini.

Skop kajian lebih tertumpu kepada petunjuk yang digunakan oleh wanita luar bandar dalam menguruskan aktiviti ekonomi. Antara petunjuk yang digunakan adalah tempat akses komputer, status penggunaan komputer, kekerapan melayari Internet, tempoh penggunaan Internet dan kekerapan penggunaan komputer. Pembentukan petunjuk penggunaan TMK ini bertujuan untuk menentukan sejauh mana penggunaan TMK berlaku dalam kalangan wanita di luar bandar. Selain itu, kajian turut menganalisis kaedah penggunaan Internet dan teknologi mobil (telefon bimbit) dalam kegiatan ekonomi dan amalan harian dalam kalangan wanita di luar bandar. Ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana wanita di luar bandar menggunakan TMK berdasarkan corak penggunaan termasuk tujuan digunakan, faktor yang mempengaruhi penggunaan dan keberkesanannya. Di samping itu penyelidikan ini turut menilai keberkesanan kaedah penggunaan TMK yang mempengaruhi pendapatan hasil daripada aktiviti perniagaan dalam kalangan wanita di luar bandar. Seterusnya, kajian turut menganalisis dasar-dasar TMK untuk dijadikan panduan dalam kalangan pengguna.

## **1.8 Kepentingan kajian**

Pada masa kini, kemajuan di Malaysia semakin pesat membangun. Namun demikian, masih terdapat kemunduran dalam aspek penggunaan teknologi di kawasan luar bandar di negara kita. Justeru, kajian ini disifatkan sebagai satu kajian yang penting untuk mengkaji tentang kemajuan dan kemunduran dari aspek penggunaan teknologi khususnya dalam kalangan wanita di luar bandar. Penulisan dan sebaran ilmu tentang hasil daripada kajian ini akan memberi suatu gambaran khusus tentang trend dan corak serta tahap penggunaan TMK dalam kalangan wanita di kawasan luar bandar berbanding dengan wanita di kawasan bandar.

Di samping itu juga, perolehan petunjuk melalui penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar dapat digunakan untuk membentuk indeks kesedaran dan indeks penggunaan TMK bagi membolehkan pihak-pihak terbabit mengetahui kedudukan semasa kawasan luar bandar dan merapatkan jurang digital masyarakat dan jantina di Malaysia. Melalui kajian ini, diharapkan dapat menambahkan satu lagi koleksi dalam kajian mengenai gender, geografi pembangunan, geo ekonomi dan geografi sosial khususnya di luar bandar dan umumnya di Malaysia.

Selain itu juga, kajian ini perlu dilakukan bagi membantu pihak-pihak tertentu merangka dasar-dasar awam untuk membantu menaikkan taraf hidup masyarakat luar bandar khususnya golongan wanita selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat di luar bandar. Pada akhir

kajian juga, pengkaji akan menyenaraikan garis panduan serta pendekatan penggunaan TMK yang bersesuaian untuk dipraktikkan dalam aktiviti perniagaan khasnya dalam kalangan wanita di luar bandar.

Kajian ini juga dianggap penting kerana kajian tentang pelaksanaan TMK di luar bandar dibuat seiring dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi bagi masyarakat di luar bandar khususnya dalam kalangan wanita. Oleh itu diharapkan kajian ini mampu mempelbagaikan kajian geografi khususnya dalam pembangunan luar bandar dan wilayah di Malaysia. Hal ini seterusnya mampu memperkayakan ilmu dalam bidang geografi di samping meningkatkan sumbangan geografi manusia ke dalam penggubalan dasar.

## **1.9 Organisasi Kajian**

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama akan membincangkan pengenalan serta isu-isu kajian, objektif, kepentingan, skop dan juga organisasi kajian. Pada bab kedua pula tesis ini akan membuat tinjauan kajian literatur yang berkaitan dengan isu kemunduran masyarakat di luar bandar umumnya dan juga tinjauan mengenai perkembangan wanita di luar bandar khususnya. Di samping itu, bab ini juga membincangkan tentang isu yang berkaitan dengan pelaksanaan penggunaan teknologi di luar bandar. Seterusnya, dalam bab dua juga pengkaji akan mencadangkan kerangka teoritikal yang menggambarkan aktiviti ekonomi masyarakat luar bandar melalui penggunaan teknologi yang mampu

memberi manfaat kepada pengguna. Seterusnya bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian yang telah diguna pakai untuk kajian penyelidikan ini. Dalam bab ini kajian akan melibatkan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data yang lebih lengkap dengan aspek kajian yang dikaji.

Seterusnya dalam bab empat pula, penulisan tesis akan menganalisis serta membincang dan menjawab ketiga-tiga objektif utama kajian ini melalui penemuan kajian yang berkaitan dengan sosio ekonomi masyarakat wanita luar bandar, tahap pendapatan, taraf pendidikan, dan beberapa aspek lain yang melibatkan perkembangan penggunaan teknologi dalam kalangan wanita di luar bandar. Perbincangan akan turut mengupas pelbagai isu dengan mengaitkan dapatan kajian ini serta penemuan-penemuan lain. Pada bab lima pula, kajian akan membincangkan tentang kesimpulan, implikasi dan cadangan kajian sebagai penambahbaikan dasar bagi membantu masyarakat luar bandar umumnya dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat. Dalam bab enam, tesis kajian akan membincang tentang rumusan hasil kajian penyelidikan yang telah dilakukan. Kajian juga akan merangka garis panduan serta pendekatan TMK yang bersesuaian dengan amalan terbaik dalam kalangan wanita di kawasan luar bandar.

#### **1.10 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dalam keseluruhan bab ini, perbincangan telah menyentuh mengenai pelbagai dapatan awal berkaitan dengan rangka utama kajian

penyelidikan ini iaitu berkenaan dengan isu kemiskinan serta perkembangan TMK yang dikatakan mampu untuk membasmi kemiskinan khususnya dalam kalangan wanita di luar bandar. Bermula dengan latar belakang kajian, seterusnya isu dan permasalahan kajian sehingga terbentuknya beberapa persoalan kajian iaitu apakah petunjuk penggunaan TMK, apakah kaedah penggunaan TMK, bagaimana TMK digunakan untuk meningkatkan pendapatan dan juga apakah panduan serta pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam kalangan wanita di luar bandar. Ke semua persoalan kajian ini dibentuk untuk menjawab objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini. Pengkaji turut menyenaraikan andaian awal kajian iaitu melihat hubung kait penggunaan TMK dengan aktiviti perniagaan, kekangan dan masalah penggunaan TMK dalam kalangan wanita luar bandar serta melihat hubung kait penggunaan TMK dengan pendapatan wanita di luar bandar. Andaian ini dibentuk untuk dilihat sama ada ianya boleh diguna pakai atau berlainan dengan hasil penemuan yang diperolehi.

Seterusnya, kajian turut membincangkan mengenai fokus pemilihan responden dalam kajian ini berdasarkan skop dan juga batasan kajian mengenai pemilihan sampel, pemilihan kawasan kajian, dan juga penetapan jumlah sampel. Di samping itu pengkaji turut membincangkan berkaitan dengan kepentingan kajian di mana hasil kajian akan memberi gambaran tentang trend dan corak serta tahap penggunaan TMK, membentuk indeks kesedaran dan indeks penggunaan TMK dan juga melalui pembentukan garis panduan serta pendekatan penggunaan TMK dalam

kalangan wanita di luar bandar serta organisasi kajian. Justeru melalui keseluruhan perbincangan bab ini, diharapkan gambaran awal mengenai rangka utama kajian dalam penyelidikan ini adalah jelas dan nyata.



## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini bertujuan untuk meneliti literatur sedia ada tentang perkembangan teknologi TMK dalam kalangan masyarakat di luar bandar umumnya dan juga dalam kalangan wanita luar bandar khususnya. Perbincangan difokuskan kepada senario perkembangan teknologi yang berlaku dalam kalangan masyarakat di luar bandar. Pengkaji terdahulu menggambarkan bahawa masyarakat di kawasan luar bandar sukar untuk menerima perkembangan teknologi baru yang melibatkan TMK sebagaimana perbincangan seperti berikut.

#### **2.2 Definisi dan Konsep TMK**

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh pengkaji terhadap TMK. Menurut Nayak et al. (2010); Adam dan Urquhart (2007); Noor Sharifah (2006) Anderson dan Schwager (2004); Anderson dan Glen (2003) bahawa TMK ditakrifkan sebagai suatu proses untuk meningkatkan kemampuan manusia dalam melakukan tugas-tugas tertentu di sesebuah organisasi. Dengan kata lain TMK merupakan teknologi yang memudahkan komunikasi dan pemprosesan serta penghantaran maklumat secara elektronik. TMK juga merupakan gelombang teknologi dan komunikasi yang berasaskan Internet, peralatan telefon, sistem transaksi, telefon komputer bersepadu, '*groupware*', dan juga multimedia yang merangkumi pelbagai komponen termasuk kemahiran dalam mengakses, merekod, menyusun atur, memanipulasi, serta

mempersalahkan data atau maklumat melalui perisian dan peralatan daripada TMK. Menurut Nayak et al. (2010) pula, fungsi TMK boleh dilihat dalam pelbagai aspek. Antara aspek tersebut adalah penyebaran maklumat, interaksi sosial, amalan ekonomi dan perniagaan, penglibatan politik, media, pendidikan, kesihatan, reaksi, serta hiburan. Keadaan ini menunjukkan bahawa TMK menawarkan pelbagai peluang untuk manfaat kepada semua pengguna (Nayak et al., 2010).

Adam dan Urquhart (2007), menjelaskan bahawa terdapat tiga syarat utama dalam membuat sesuatu perkara yang berkaitan dengan TMK :

- (i) Wujud kaedah, peralatan, dasar dan rangka undang-undang yang membolehkan sesuatu urusan dilakukan.
- (ii) Pembangunan institusi yang menyokong penyertaan masyarakat setempat dalam sesuatu aktiviti.
- (iii) Pembangunan sumber manusia melalui latihan dan pendidikan.

Dari aspek sosial pula, istilah TMK dimaksudkan dengan pelbagai perkara. Misalnya, Kriz dan Qureshi (2009) menganggap TMK merupakan alat yang boleh menyumbang kepada penjanaaan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Mereka menganggap bahawa keberkesanan dalam perkembangan TMK mampu menjana transformasi ekonomi sesebuah tempat dan mampu menghasilkan alat kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesuatu tempat. Kotteman dan Buyer Wright (2009), pula menganggap TMK mampu muncul sebagai alat untuk